

Industri hiburan kemuka formula agih royalti

Atasi isu bayaran RM16.4 juta didakwa tertunggak sejak 2018

Oleh Zanariah Abd Motalib
zanariah_motalib@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pihak berkepentingan dalam industri hiburan akan mengemukakan cadangan bertulis kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) berhubung isu agihan royalti kepada penggiat seni pada minggu ini.

Menterinya, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata beliau meminta syarikat rakaman, komposer dan penghibur mengemukakan cadangan berkenaan dalam satu pertemuan dengan pihak industri di kementeriannya, minggu lalu.

Beliau berkata, ia bagi mencari jalan penyelesaian terbaik berhubung isu bayaran royalti berjumlah RM16.4 juta yang didakwa tertunggak sejak 2018.

"Kita membincangkan formula bagaimana usaha untuk mengagihkan royalti kepada mereka yang berhak. Saya meminta pihak berkepentingan ini mengemukakan cadangan bertulis kepada saya dan kemudian bersejutu supaya kementerian menjadi orang tengah dalam menyelesaikan isu ini.

"Kementerian akan mengusulkan beberapa formula penyelesaian yang terbaik dan berharap ia dapat diterima semua pihak. Jika formula itu dipersetujui semua, kita akan laksanakan segera (agihan royalti)," katanya.

Beliau berkata demikian pada



Saifuddin melancarkan dokumentasi dalam talian menerusi laman web Pesanku bersama Md Afendi (kanan) dan Ghazali di Kuala Lumpur, semalam.

[Foto Rosela Ismail/BH]

sidang media selepas melancarkan platform dokumentasi wasiat, hibah dan harta sepencarian secara atas talian, Pesanku di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengerusi Eksekutif Raffcomm Group, Datuk Md Afendi Hamdan dan pencetus Pesanku, Wasiyyah Dot Com Sdn Bhd, Ghazali Ibrahim.

BH semalam melaporkan isu berkaitan agihan royalti penggiat seni yang didakwa tertunggak sejak 2017 dan 2018. Isu itu tercetus apabila Music Rights Malaysia Berhad (MRM) yang ditubuhkan kerajaan pada 2015, hanya membuat bayaran agihan kepada Badan Perlindungan Hak Cipta Muzik Berhad (MACP) dan Public Performance Malaysia Sdn Bhd (PPM).

Ini menimbulkan bantahan Badan Pengutip Royalti Hak Pelaku dan Persembahan Artis (PRISM) Berhad terhadap MRM atas kegagalan mereka membuat bayaran kategori pelaku iaitu penyanyi dan pemuzik berdaftar.

nyai dan pemuzik berdaftar.

Pengerusi MRM, Tun Zaki Azmi bagaimanapun menjelaskan royalti berjumlah RM16.4 juta itu masih selamat dalam simpanan pihaknya, namun masih belum dapat diagih selagi jumlah kegunaan lagu dan bilangan ahli PRISM serta RPM belum siap dihitung, selain MRM masih menunggu Jabatan Insolvency menyelesaikan isu berkaitan pem-

Jika formula itu dipersetujui semua, kita akan laksanakan segera (agihan royalti).

Saifuddin Nasution Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Hal Ehwal Pengguna

batalan lesen PRISM sebagai badan pelesenan.

Saifuddin berkata, walaupun PRISM berdepan masalah dan diambil alih Jabatan Insolvency, namun kebajikan penghibur di bawah badan itu tetap menjadi keutamaan.

"Kementerian juga tidak berminat untuk memegang wang royalti itu lama-lama kerana ia bukan hak kementerian atau hak MRM. MRM hanyalah badan yang mengutip.

"Bagaimanapun, untuk menyelesaikan masalah ini, kita tidak boleh berjumpa PRISM saja tapi perlu jumpa semua pihak berkepentingan. Kita tidak boleh hukum penghibur kerana organisasi mereka bermasalah dan saya sangat jelas bahawa kebajikan penghibur menjadi keutamaan kita," katanya.

Lagi berita Muka 62,63